

PBT tangkap anjing liar, elak penularan virus rabies

MELAKA 26 Julai - Kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil langkah proaktif untuk langkah pencegahan bagi mengelakkan penularan virus rabies (penyakit anjing gila) dengan menangkap anjing-anjing liar di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman berkata, sehingga kini sebanyak 287 ekor anjing liar ditangkap dan ditempatkan di pusat perlindungan oleh PBT di negeri itu.

Menurut beliau, notis mengenai tangkapan anjing terbiar itu telah dikeluarkan kerajaan negeri kepada semua PBT iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) sejak dua minggu lalu.

"Kita juga merayu kepada orang ramai yang membela binatang ini sebagai haiwan peliharaan supaya peka dengan

virus ini yang menular dengan tidak membiarkan anjing mereka berkeliaran di kawasan awam tanpa pengawasan.

"Di samping itu kita juga menasihatkan kepada mereka yang membela haiwan ini untuk mendapatkan lesen bagi mengelakkan ketidakselesaan masyarakat sekitar kawasan kejiranan mereka," katanya ketika ditemui selepas melawat Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang di sini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Ismail Hasim.

Ismail berkata, sehingga kini terdapat kira-kira 3,300 pemilik anjing berdaftar di seluruh Melaka dan dijangka jumlah itu akan terus meningkat dengan adanya kesedaran masyarakat akan keperluan mengenai perkara itu.

"Kerajaan negeri turut mengarahkan tangkapan terhadap kucing-kucing liar memandangkan terdapat kes jangkitan melibatkan haiwan tersebut," katanya.



NOTIS tangkapan anjing terbiar dikeluarkan kepada semua pihak berkuasa tempatan di Melaka sejak dua minggu lalu.